

Tidak wujud ketegangan hubungan Gerakan, MCA

19 DEC 2002

GEORGETOWN, Rabu - Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, tidak wujud ketegangan dalam hubungan parti Gerakan dan MCA di Pulau Pinang walaupun beberapa isu timbul membatikan kedua-dua parti komponen Barisan Nasional (BN) itu.

Beliau berkata, walaupun berlaku 'perebutan' kuasa antara Gerakan dengan MCA untuk menegerai kepemimpinan negeri selepas Gerakan memimpin Pulau Pinang sejak 1969, ia tidak sampai ke tahap sehingga wujud ketegangan dalam hubungan kedua-dua parti.

Katanya, ia kerana kedua-dua parti sudah cukup matang bagi menangani sebarang isu.

Beliau berkata, selagi kedua-dua parti tidak terlalu ekstrim dalam pendirian masing-masing, Gerakan dan MCA negeri berupaya melaksanakan tanggungjawab mengutamakan kepentingan BN dan rakyat.

Isu terbaru mengenai hubungan kedua-dua parti membatikan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA, Lim Boo Chang (Datuk Kramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) yang mengambil sikap berkecuali ketika undian menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion ditangguhkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan lalu.

Koh mengakui sepanjang lebih 30 tahun Gerakan memimpin Pulau Pinang, berlaku 'ketegangan' di antara kedua-dua parti di negeri ini.

"Namun, bukan setiap masa berlaku ketegangan...ada naik turunnya. Saya percaya dan berharap parti komponen termasuk Gerakan dan MCA adalah parti yang matang.

"Pada akhirnya selepas rundingan diadakan, isu seperti ini (kes dua Adun MCA) dapat diselesaikan," katanya selepas majlis perhimpunan anggota perkhidmatan awam bersama Ketua Menteri sempena sambutan Hari Kualiti peringkat negeri di Dewan

Tunku, Komtar, di sini hari ini.

Koh berkata, beliau tidak menafikan ada insiden tuduh menuduh antara Gerakan dan MCA, terutama dalam akhbar berbahasa Cina.

"Tetapi, ini sesuatu yang kadang kala berlaku di antara parti komponen. Saya percaya selepas mereka (MCA) meluahkan fikiran dan perasaan, mereka akan jadi tenang dan kemudian bersama kembali.

"Saya sudah jelaskan kepentingan rakyat jauh lebih penting daripada kepentingan parti, kepentingan parti melebihi kepentingan individu.

"Dalam konteks BN, kepentingan parti komponen lebih penting daripada individu," katanya.

Koh yang juga Pengerusi BN negeri mengarahkan penubuhan pasukan petugas khas untuk kawasan Datuk Keramat dan Jawi berikutan ketiadaan Adun BN secara rasmi.

Katanya, pasukan petugas khas bagi Datuk Kramat akan dipengerusikan Ahli Parlimen Jelutong, Lee Kah Choong, manakala Jawi diketuai Adun Sungai Acheh, Datuk Abdul Rashid Abdullah.

"Sebenarnya sejak dua tahun dulu, sudah wujud satu pasukan petugas di bawah Gerakan. Saya percaya ada parti komponen lain yang aktif memberi perkhidmatan di kawasan itu seperti Umno, MCA dan MIC," katanya.

Ketika diminta mengulas kenyataan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bahawa beliau sentiasa merujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membuat keputusan berhubung isu membatikan BN dan MCA, Koh berkata:

"Itu kenyataan beliau, saya tidak dapat beri apa-apa komen. Saya tidak boleh cabar beliau sama ada merujuk kepada Perdana Menteri atau tidak.

"Saya mesti menghormati apa yang dia cakap. Sama ada beliau ada merujuk atau tidak, itu hanya diketuai beliau dan Perdana Menteri sendiri," katanya.